

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 24.10.2017 (SELASA)

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:

- a) jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang masih beroperasi dan jumlah yang telah ditutup dan apakah kedudukan projek KR1M kini; dan
- b) jumlah peruntukan yang telah ditanggung oleh Kementerian sejak pelaksanaan projek ini pada tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Semua Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh negara sedang ditutup sementara sejak September 2017 sebagai persediaan kepada pelaksanaan KR1M 2.0, di samping bagi tujuan penambahbaikan kepada kelemahan sebelum ini.
- b) Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM106.37 juta bagi kos pembangunan KR1M di seluruh negara bagi menjadikan pengendali KR1M lebih berdaya saing.